



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### PAVILION MALAYSIA MENANG ANUGERAH PERAK DI GULF SUSTAINABILITY AWARDS 2022

---

**PUTRAJAYA, 10 November 2022** - Pavilion Malaysia menambah satu lagi anugerah berprestij dengan merangkul **Anugerah Perak daripada Gulf Sustainability Awards 2022**. *Gulf Sustainability Awards* 2022 ini adalah anjuran program Anugerah Antarabangsa yang telah menerima Pengiktirafan Kepercayaan Cemerlang (*Outstanding Trust Mark*) daripada Majlis Piawaian Anugerah Bebas.

*Gulf Sustainability Awards* merupakan acara berprestij tahunan bagi meraikan organisasi di Timur Tengah yang mengamalkan amalan terbaik dalam Tadbir Urus Alam Sekitar, Sosial dan Korporat (ESG). Pada tahun ini, *Gulf Sustainability Awards* mengiktiraf sumbangan daripada beberapa kategori termasuk kemampunan alam sekitar, kesedaran kemampunan, pembangunan komuniti dan pengurusan air atau sisa. Setiap kategori dinilai oleh panel pakar bebas dari seluruh rantau.

Pavilion Malaysia merupakan satu-satunya Pavilion Karbon Sifar Bersih di Ekspos 2020 Dubai yang direka seperti Kanopi Hutan Hujan telah menerima pengiktirafan di bawah kategori ‘Inisiatif Karbon Sifar’. Ekspos dunia tersebut yang telah diadakan dari 1 Oktober 2021 hingga 31 Mac 2022 merupakan penganjuran pertama di rantau Timur Tengah, Afrika serta Asia Selatan yang telah disertai hampir 200 negara dan organisasi.

Penyertaan Malaysia di Ekspos 2020 Dubai telah diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) selaku agensi pelaksana.

Program offset telah dilaksanakan untuk meneutralkan karbon yang terkandung dalam bahan, karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) yang dikeluarkan sepanjang proses pembinaan Pavilion Malaysia dan sewaktu Ekspos 2020 Dubai berlangsung.

MOSTI telah menjalankan kerjasama dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) bagi perolehan 4,000 ton CO<sub>2</sub> bagi offset di bawah program *National Reducing Emissions from Deforestation and Forest Degradation* (REDD Plus).

Pavilion Malaysia telah mengadaptasikan amalan kelestarian di bawah Sistem Pengurusan Hutan Lestari (SFM) yang diguna pakai di hutan Malaysia. Selain itu, MOSTI dengan kerjasama KETSA dan agensi KeTSA iaitu Yayasan Hijau Malaysia (YHM) telah melaksanakan program penanaman 500 batang pokok yang turut menyokong agenda nasional iaitu Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di bawah Program Penghijauan Malaysia di Taman Eko Rimba Sungai Putih, Cheras, Kuala Lumpur yang merupakan sebahagian daripada Hutan Simpan Bukit Nanas di bawah Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 23 Oktober 2021.

Inisiatif Karbon Sifar Bersih telah dirancang dan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Kecil yang dipengerusikan oleh Dr. Nor Azlina Ariffin, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pemindahan Teknologi dan Pengkomersialan R&D merangkap Ketua Sekretariat Induk Penyertaan Malaysia di Ekspo 2020 Dubai bersama pegawai-pegawai dari MOSTI, KeTSA, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Putra Malaysia (UPM), SIRIM, Jabatan Standards Malaysia, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Majlis Kayu Kayan Malaysia (MTC) serta arkitek Pavilion Malaysia iaitu Hijas Architects and Planners dan MGTC.

Jawatankuasa ini telah memainkan peranan dalam menentukan kaedah pelaksanaan inisiatif dan memastikan kaedah tersebut diiktiraf oleh badan antarabangsa.

Pavilion Malaysia yang bertemakan ‘Memperkasa Kemampanan’ telah mempamerkan komitmen negara terhadap agenda kelestarian melalui pembinaan pavilion karbon sifar bersih di Ekspo Dunia tersebut. Malaysia telah menggalakkan orang ramai dan pelawat ekspo untuk menyertai perjuangannya melalui kempen #MyButterflyEffect. Pavilion ini dibina dengan mengambil kira pelepasan karbon rendah, elemen hijau, mampan dan penjimatkan tenaga.

Terdahulu, Pavilion Malaysia telah memenangi **Anugerah Emas bagi kategori Projek Mampan (Pembinaan) Terbaik Tahun 2022** oleh Global Architecture & Design Awards (GADA 2022), **Anugerah Emas bagi kategori Interpretasi Tema** di Anugerah Pavilion Ekspo 2020 Dubai anjuran Bureau International des Expositions (BIE), **Anugerah Emas untuk Perkhidmatan Pengguna & Perniagaan Terbaik** di Anugerah Kempen Pemasaran Asia-Pasifik APPIES APAC 2022 dan **Honourable Mention for Best Sustainable Design** oleh Majalah EXHIBITOR World Expo Awards 2022.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, "Pengiktirafan sebanyak lima (5) Anugerah Antarabangsa dalam masa lapan (8) bulan adalah sesuatu yang bersejarah bagi Pavilion Malaysia. Kejayaan ini membuktikan bahawa sebagai Keluarga Malaysia yang bersatu-padu dan berpegang kepada matlamat yang sama, kita boleh menggapai segala kejayaan.

"Ekspo 2020 Dubai telah mempamerkan inisiatif negara kita ke arah masa hadapan yang lebih mampan dan memaklumkan kepada dunia bahawa Malaysia sedang menuju ke arah yang lebih hijau. Kemenangan terbaharu ini adalah sejajar dengan matlamat negara untuk mencapai karbon neutral seawal tahun 2050."

**#TAMAT#**

**Disediakan oleh:**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**10 NOVEMBER 2022**